

JENDELA KELUARGA



**“Meriahkan
Pakaian Muslimah
Untuk Semua”**

- Dr. Nik Salida Suhaila Nik Salleh

Perasaan rendah diri pernah menerjah pada saat disuruh bertudung oleh bapanya. Namun kini, Dr. Nik Salida Suhaila Nik Salleh bersyukur kerana saranan itu telah merubah dirinya sepenuhnya.



OLEH:
NOR ASHIKIN
MOHAMAD
MOHAJIR

FOTO: SYED



FENOMENA pemakaian busana Muslimah kini dilihat sudah menjadi 'trend' di kalangan wanita Malaysia khususnya remaja wanita. Ia sekali gus dilihat sebagai perkembangan positif di mana sudah ramai kaum hawa pada hari ini sedar akan kepentingan menutup aurat.

Bagi tamu pilihan di ruangan Serikandi pada kali ini, Dr Nik Salida Suhaila Nik Salleh, beliau mengimpikan pakaian Muslimah ini bukan sahaja meriah digayakan oleh kaum Muslimah malahan turut dijadikan pakaian asas oleh kaum bukan Islam.

"Seseorang itu tidak akan dianggap berjaya sekiranya dia masih belum berjaya menjadikan pakaian Muslimah sebagai pakaian semua orang termasuk orang bukan Islam. Itu merupakan kata-kata saya jika dipilih menjadi panel juri bagi pakaian Muslimah.

Kita membawa keyakinan bahawa pakaian Muslimah ini bukan pakaian yang mendiskriminasi wanita dan menjadikan wanita itu lemah dan tertutup, akan tetapi ia sebagai perlindungan kepada keaiban seseorang wanita itu.

Kalau kita lihat dari segi sejarah juga, anak-anak golongan bangsawan pada zaman jahiliah turut menutup aurat kerana mereka berpandangan bahawa aurat mereka tidak layak untuk dilihat oleh golongan biasa. Begitu juga dengan kita, sebagai wanita yang bermaruah kita tidak sepatutnya menunjukkan aurat kepada mereka yang tidak layak, iaitu kaum lelaki yang bukan mahram.

Mungkin buat masa ini, kita masih belum berjaya untuk merealisasikan budaya ini dalam masyarakat kita, akan tetapi itu merupakan impian saya dalam hal berpakaian. Saya mahukan pakaian Muslimah menjadi asas berpakaian bagi semua golongan wanita.

Dengan itu, jenayah akan dapat dikurangkan sekali gus memelihara diri dan keperibadian seseorang wanita itu," ujarnya yang memang dibesarkan dalam suasana Islamik.

Dakwah Golongan Profesional

Selain daripada aspek berpakaian, beliau juga berhasrat untuk menyeru



lebih ramai golongan profesional yang mempunyai latar belakang pendidikan agama yang tinggi untuk sama-sama berpadu dan berusaha dalam menyebarkan dakwah Islamiyyah.

"Saya tahu di luar sana ramai golongan profesional yang ada asas agama yang baik tetapi sentiasa beranggapan bahawa mereka tidak sesuai untuk menyampaikan dakwah.

Kebanyakan mereka lebih gemar untuk mengasingkan kerjaya mereka dan kerja dakwah sedangkan sebagai seorang Muslim, mereka mempunyai peranan yang sangat besar kepada masyarakat.

Tidak semestinya seseorang profesional itu perlu berceramah untuk menyebarkan dakwah. Cukup dengan menggunakan ilmu dan bidang masing-masing sebagai cara untuk meluaskan ilmu Allah SWT kepada umum.

Ada segelintir masyarakat berpendapat bahawa dakwah itu bukan urusan mereka sedangkan tugas menyampaikan ilmu agama itu wajib bagi setiap orang Islam Mukmin. Saya berharap agar satu hari nanti kita boleh mencapai tahap di mana mampu membina identiti Muslim yang semuanya adalah pendakwah," tegas beliau yang merupakan anak ketiga daripada enam orang adik-beradik.

Selain itu, persediaan seseorang pendakwah itu juga perlu diambil berat kerana ia akan mengundang kepada permasalahan yang lain, terutama pendakwah wanita.

"Kita melihat pendakwah itu berdasarkan tahap mereka. Jika seseorang itu hanya berdakwah di rumah untuk keluarga dan anak-anak mungkin persediaannya tidaklah begitu sukar. Namun, jika seseorang itu merupakan



pendakwah kepada sesuatu masyarakat, mereka perlu mengenali siapa ahli masyarakat tersebut.

Mereka juga perlu ingat bahawa ilmu yang mereka sampaikan itu hanyalah setitis daripada ilmu Allah SWT. Apabila kita merasa kita sudah cukup bagus dan tidak mahu menerima pandangan dan hujah pendakwah lain untuk berdakwah sebenarnya kita silap. Perbanyakkan persamaan kita tetapi jangan jadikan perbezaan itu untuk tidak menerima ilmu orang lain.

Begitu juga bagi pendakwah

ruangan surat pembaca di dada-dada akhbar.

Akan tetapi, saya tidak menyangka akan menerima maklum balas yang sangat baik daripada orang-orang yang berpangkat dan berpelajaran. Dari situ, ia menaikkan semangat saya untuk terus menulis dan menyumbang pendapat kepada masyarakat.

Apabila artikel saya mula dikenali, ada seorang penerbit rancangan TV yang mengikuti bahan-bahan penulisan saya menghubungi untuk menjemput saya menjadi salah seorang panel dalam sebuah program ilmiah.

Diawal perbincangan, suami saya tidak mengizinkan kerana kekangan masa yang bakal dihadapi kelak. Akan tetapi, penerbit ini bukanlah seorang yang mudah berputus asa. Malah beliau tidak putus menghubungi dan berbincang dengan suami saya," tambahnya.

Setelah mendapat persetujuan suami, akhirnya Nik Salida membuat kemunculan pertama melalui program al-Kulliyah TV3.

"Selepas al-Kulliyah,

jemputan datang tidak henti-henti daripada pelbagai stesen TV. Ada juga yang cuba mendapatkan nombor telefon saya melalui penerbit, namun saya keberatan untuk membenarkannya.

Lama-kelamaan, saya mula berfikir apa yang sebenarnya Allah mahu tunjukkan kepada saya. Ada juga yang hubungi saya semata-mata ingin berkongsi dan menimba ilmu daripada saya. Dan ia membuatkan saya terfikir dan merubah keputusan. Namun satu nasihat suami, lakukannya setakat mana yang termampu.

Walaupun kita 'follow the flow', namun bagi wanita yang berkerjaya dan sudah berkeluarga seperti saya, sudah tentulah saya memerlukan kekuatan dan semangat yang luar biasa. Berkhidmat untuk ummah dan dalam pada masa yang sama, saya juga seorang isteri dan ibu di rumah. Katakanlah saya tidak berfikir begitu, mungkin saya sudah lama menerima jemputan daripada pelbagai pihak,"



katanya lagi.

Harapan Seorang Pendakwah

Sebagai seorang pendakwah, beliau merasakan peranan para bapa sangat penting dalam melahirkan generasi yang baik.

"Tanggungjawab seorang bapa bukan sahaja sebagai penyedia makan, minum, tempat tinggal dan sebagainya malahan lebih daripada itu. Mereka berperanan untuk menyediakan ilmu kepada ahli keluarga.

Ada sesetengah masyarakat menganggap generasi akan baik sekiranya ibu dalam rumah tangga itu baik, tetapi bagi saya tidak. Sesebuah generasi itu akan baik jika para bapa itu baik kerana bukan ibu yang memimpin bapa tetapi sebaliknya.

Isteri tidak berperanan sebagai pemimpin di dalam keluarga. Oleh kerana itu, sebagai seorang bapa antara nafkah zahir yang mereka perlu berikan adalah pendidikan dan ilmu agama yang secukupnya.

Saya melihat para bapa atau para wali pada hari ini lebih kepada mahukan hak tanpa rasa mahu memberi atau nampak tanggungjawab mereka. Saya rasa itu merupakan satu perkara yang sangat ketara dalam masyarakat kita yang kurang diamalkan.

Sebagai wanita, kita perlukan mereka untuk membimbing kita. Apa yang saya lihat dalam masyarakat kita adalah kurangnya keilmuan. Ilmu kita adalah ilmu yang formal atau rasmi tetapi kita tidak meletakkan ilmu agama sebagai asas kehidupan.

Jika kita meletakkan ilmu agama itu sebagai asas, kehidupan kita akan dijalani dengan berlandaskan syarak. Justeru, saya berharap masyarakat boleh membantu para bapa, perkasakan kaum-kaum lelaki terutama remaja dalam hal bagaimana mahu membina keluarga yang baik kelak," ujarnya bersungguh-sungguh. ❗

Dr. Nik Salida sering mengadakan perbincangan berkenaan topik yang ingin disampaikan



yang mempunyai tugas hakiki seperti saya. Persediaan mental dan fizikal perlu ada. Ini kerana kita tidak mahu kononnya ingin berdakwah dan menajak orang kepada agama tetapi kita sendiri melanggar norma agama, seperti tidak amanah dan tidak jalankan tugas dengan baik.

Bagi saya, kekuatan dari segi menguruskan masa dan meletakkan keutamaan sangat diperlukan," tambah ibu kepada tiga orang anak ini.

Mula Dikenali

Apabila ditanya bagaimana perjalanan dakwahnya bermula, Nik Salida menjawab hanya dengan mengajukan pendapat dan idea di ruangan surat pembaca di akhbar-akhbar.

"Saya ni seorang yang suka orang lain mendengar idea saya sekiranya saya tidak setuju dengan sesuatu pandangan yang lain. Jadi, apa yang saya buat adalah dengan mengutarakan idea saya itu di